

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN** : Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan melihat slogan 1Malaysia ini sebagai gagal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Gagasan 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” merupakan satu falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan dan diinisiatifkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merentas dasar dan pelaksanaan.

Tujuan utama Gagasan 1Malaysia adalah untuk terus memupuk perpaduan nasional di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya supaya negara kita menjadi lebih stabil, kukuh dan aman.

Hal ini akan menjadi landasan yang terpenting untuk mencapai sasaran Wawasan 2020, yakni menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di dalam semua aspek.

Secara ringkas, Gagasan 1Malaysia menekankan perpaduan dalam kepelbagaiannya atau “*unity in diversity*” dengan izin dan kesepakatan rakyat Malaysia iaitu melalui menerima dan menghormati kepelbagaiannya budaya serta keunikan kaum yang sedia ada. Selain itu, gagasan ini juga mengamalkan prinsip-prinsip kenegaraan yang berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan